

## KHUTBAH JUMAAT

Sempena Hari Profesion Teknikal Negara 2024

“LAKSANAKAN PERUBAHAN, DEMI KEJAYAAN”

(6 Disember 2024M/ 4 Jamadilakhir 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا، وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ، وَحَبِيبُهُ، إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita termasuk dalam kalangan hamba Allah yang memperolehi kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat dengan berbual-bual, menggunakan telefon dan sebagainya.

Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk:  
**“Laksanakan Perubahan, Demi Kejayaan”**.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebelum khatib membicara tajuk khutbah minggu ini, khatib ingin mengingatkan bahawa banjir yang sedang melanda negara kita merupakan ujian dan peringatan daripada Allah *subhanahu wata'ala*, sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Baqarah, ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ  
الصَّابِرِينَ (١٥٥)

**Maksudnya:** *Dan sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh), (dengan merasai) kelaparan, (dengan berlakunya) kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang yang sabar.*

Sebagai umat Islam, kita diwajibkan untuk berdoa, bersabar, dan membantu mereka yang terjejas, serta mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) juga telah mengeluarkan amaran berkenaan risiko banjir besar akibat hujan lebat, menggesa kita untuk berwaspada, mengikuti perkembangan cuaca, serta menyediakan bekalan kecemasan. Semoga kita semua diberikan kekuatan dan perlindungan dalam menghadapi musibah ini.

Majlis Islam Sarawak menzahirkan rasa keprihatinan yang mendalam terhadap mangsa banjir yang terjejas. Sehubungan itu, Majlis Islam Sarawak telah mengarahkan Jawatankuasa

Pengurusan Masjid (JKP) untuk menyumbang melalui kutipan Tabung Sadaq Jumaat pada minggu ini dan disalurkan kepada Majlis Islam Sarawak. Kutipan tersebut akan disalurkan ke Tabung Musa'adah JAKIM bagi membantu meringankan beban mangsa banjir yang memerlukan.

Selain itu, orang ramai boleh juga memberi sumbangan terus ke Tabung Musa'adah JAKIM dengan merujuk laman web dan media sosial rasmi JAKIM untuk maklumat lanjut dan cara-cara menyumbang. Semoga dengan sumbangan kita, Allah *subhanahu wata'ala* memudahkan segala urusan dan memberikan keberkatan kepada kita semua.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Secara umumnya, sains, teknologi, dan kejuruteraan memainkan peranan penting dalam memacu kemajuan negara. Perkembangan teknologi dan kemajuan kejuruteraan telah memberi kesan besar terhadap kehidupan manusia. Sebagai umat Islam, kita harus menginsafi dan menyedari bahawa setinggi mana kemajuan atau sehebat mana teknologi yang dicapai oleh manusia, namun ia tetap terlalu sedikit di sisi Allah yang Maha Mengetahui. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Luqman, ayat 27:

وَلَوْ أَنَّمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَقْلَمٌ وَالْبَحْرُ يَمُدُّهُ مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ  
مَا نَفَدْتَ كَلِمَتُ اللَّهِ قَلِيلًا إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (٢٧)

**Maksudnya:** *Dan seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena, segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

Imam Ibn Kathir *rahimahullah* ketika menafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa seandainya semua pokok di muka bumi ini dijadikan pena, dan dijadikan semua air 7 lautan sebagai dakwat, lalu ditambahkan kepadanya tujuh lautan lagi yang seumpamanya, untuk menulis kalimah-kalimah Allah *subhanahu wata'ala* yang menunjukkan tentang keagungan-Nya, sifat-sifat kebesaran-Nya, nescaya hancurlah pena-pena itu, dan mengeringlah air laut itu, walaupun didatangkan lagi dengan jumlah seumpamanya.

Ini menunjukkan bahawa walaupun manusia berusaha menguasai ilmu dan teknologi, kita harus sentiasa ingat bahawa segala pengetahuan yang ada pada kita adalah sebahagian daripada ilmu Allah yang Maha Luas dan Maha Bijaksana. Sebagai umat Islam, kita perlu menginsafi bahawa sains dan teknologi harus digunakan untuk kebaikan umat manusia dalam kerangka kehendak Allah.

Dengan ramalan populasi dunia yang hampir mencapai 10 bilion menjelang tahun 2050, sudah tentu ini akan memberikan cabaran besar dalam menyediakan bekalan makanan yang mencukupi. Dalam menghadapi cabaran ini, umat Islam perlu memanfaatkan ilmu sains dan teknologi untuk mencari penyelesaian. Penerokaan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi, seperti penggunaan dron dalam pertanian, adalah contoh yang jelas bahawa teknologi dapat

membantu meningkatkan hasil pengeluaran makanan, mengurangkan kos, dan meningkatkan pendapatan petani. Teknologi dron bukan hanya terhad kepada pertanian, tetapi juga dalam bidang mencari dan menyelamatkan, pembinaan, pemantauan keselamatan, dan banyak lagi.

Sebagai umat Islam, kita perlu mencontohi perjuangan para ilmuwan Islam terdahulu yang banyak menyumbang kepada kemajuan dalam bidang sains dan teknologi. Contohnya, Taqi al-Din yang mencipta silinder piston untuk mengepam air dan Al-Jazari yang menambahbaik alat untuk pengangkutan air. Pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz *rahimahullah*, pelbagai sistem kejuruteraan hebat dibangunkan, termasuk terusan yang menghubungkan Sungai Nil dengan Laut Merah dan sistem air bawah tanah (Qanat) di Isfahan. Oleh itu, umat Islam hari ini harus bangkit untuk meneroka dan mencipta teknologi moden yang sesuai dengan peredaran zaman, selaras dengan ajaran Islam yang mendorong kita untuk sentiasa berusaha dan berinovasi demi kemajuan umat.

Justeru, dengan bertemakan “***Profesion Teknikal Peneraju Kecemerlangan Teknologi***”, Penganjuran **Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN)** yang disambut pada hari **Sabtu** pertama bulan **Disember** setiap tahun adalah landasan terbaik bagi mengiktiraf sumbangan **warga profesion teknikal di seluruh negara** dan agensi-agensi teknikal di bawah **Kementerian Kerja Raya** iaitu **Jabatan Kerja Raya (JKR)**, **Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan**

**(CIDB)** atas sumbangan besar kepada pembangunan dan kemajuan ummah. Semoga segala sumbangan dan jasa yang dicurahkan dahulu dan kini mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kaum muslimin yang berbahagia,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama:-

**Pertama:** Kita hendaklah sabar, tabah dan perlu mengambil langkah sewajarnya dalam menghadapi sebarang ujian Allah khususnya bencana banjir pada masa ini.

**Kedua :** Ilmu sains, teknologi dan kejuruteraan memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Menguasai disiplin pengajian tersebut merupakan fardu kifayah yang wajib dipenuhi.

**Ketiga :** Umat Islam hendaklah menghindarkan diri daripada segala bentuk kemaksiatan dan pelanggaran terhadap syariat Islam yang boleh mengundang kemurkaan Allah *subhanahu wata'ala*.

**Keempat :**Umat Islam hendaklah menanam semangat untuk mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam semua aspek kehidupan.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Aali Imran, ayat 191:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ (١٩١)

**Maksudnya:** (laitu) orang yang menyebut dan mengingat Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dengan solat fardu berjemaah dan memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Selain itu, pastikan makanan harian kita adalah halal dan baik. Dalam masa yang sama, aspek ketaatan kepada pemimpin dan perpaduan ummah perlu juga diutamakan demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sebagaimana perintah Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam aqidah, ibadah dan akhlak. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.